

# **YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA DILANTIK CANCELOR KUTKM**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 26/08/2003 | Author: / NO MAI**

MELAKA, 26 Ogos (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin akan dimasyhurkan sebagai cancelor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada Khamis ini.

Rektor KUTKM Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Abdul Ghani berkata majlis istiadat permasyhuran cancelor itu serta Majlis Konvokesyen Komemoratif akan dilangsungkan di Dewan Seri Negeri di sini mulai 9 pagi.

Pada majlis itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam akan dianugerahkan ijazah kehormat pengurusan (pembangunan belia) dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus, akan menerima ijazah kehormat sains.

Prof Dr Ashraf Jawaid, yang berasal dari Rawalpindi, Pakistan dan kini Dekan Fakulti Kejuruteraan di University of Coventry, United Kingdom, akan menerima ijazah kehormat kejuruteraan.

KUTKM yang ditubuhkan pada 1 Dis 2000 kini mempunyai 2,857 pelajar yang mengikuti lima program diploma dan 17 program ijazah di di kampus semmentaranya di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.

-- BERNAMA

NO MAI